

PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang beralamat di **Negeri Pahang (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat dengan Pusat Kutipan Zakat Pahang)** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**, dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi perkara berikut :

PERIHAL	KOD BIDANG	TAKLIMAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP
<p style="text-align: center;"> PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI BANGUNAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG CAWANGAN DAERAH RAUB BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN MUIP/SH/2026/007 </p>	220801	<p style="text-align: center;"> TARIKH : 15 APRIL 2026 MASA: 10.00 PAGI TEMPAT : PEJABAT MUIP CAWANGAN DAERAH RAUB Kehadiran adalah diwajibkan </p>	<p style="text-align: center;"> TARIKH: 28 APRIL 2026 MASA: 12.00 TENGAHARI <u>Dokumen sebut harga yang diterima selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan</u> </p>

2. Hanya penama di dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat sebut harga.
3. Syarikat perlu membawa bersama **salinan sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** beserta **kad pengenalan** semasa menghadiri sesi taklimat. Wakil selain daripada penama adalah tidak dibenarkan.
4. Dokumen sebut harga boleh diperolehi semasa Taklimat Lawatan Tapak.
5. Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, ditulis dengan tajuk serta nombor sebut harga di atas sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di alamat seperti berikut:

**MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG,
 KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH,
 JALAN ISTANA PERMAI,
 26600 PEKAN,
 PAHANG DARUL MAKMUR
 U/P : UNIT ASET,STOR & PEROLEHAN**

6. Tawaran hendaklah sah sehingga **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup sebut harga.
7. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang jawapan selepas dua (2) bulan dari tarikh iklan ditutup.
8. Sebarang pertanyaan berkaitan sebut harga ini boleh berhubung dengan **Unit Aset, Stor dan Perolehan, Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang.**

TARIKH : 8 APRIL 2026